

14 NOV 1996

MAHATHIR, RAMOS AKAN ADAKAN PERBINCANGAN

MANILA, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Fidel Ramos sebelum sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 25 Nov, seorang pegawai berkata hari ini.

Setiausaha Rendah Luar Negeri Rodolfo Severino memberitahu taklimat berita bahawa perbincangan itu, dijadual pada 23 Nov akan diadakan di Manila, salah satu daripada dua tempat utama sidang kemuncak itu. Satu lagi ialah di pelabuhan bebas Subic di bandar raya Olongapo, di barat laut Manila.

Dr Mahathir dan Ramos adalah di antara 18 ketua negara Asia-Pasifik yang menghadiri sidang kemuncak itu, peristiwa antarabangsa terbesar yang Filipina menjadi tuan rumah tahun ini. Sidang itu didahului oleh mesyuarat peringkat pegawai kanan APEC.

Severino berkata Dr Mahathir, yang akan diringi pegawai-pegawai kanan Malaysia, akan merupakan yang pertama di kalangan ketua negara APEC tiba di Manila pada pagi 23 Nov.

Di samping perbincangan dua hala dengan Ramos, Dr Mahathir juga akan berucap pada Fourm Perniagaan APEC di sebelah petang hari yang sama yang akan dihadiri oleh para pemimpin perniagaan rantau ini.

Severino enggan memberitahu mengenai agenda pertemuan Mahathir-Ramos itu tetapi berkata ia merupakan sebahagian daripada usaha oleh kedua-dua pemimpin Asean itu untuk memupuk perhubungan dua hala yang lebih rapat.

Katanya Ramos juga turut mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin APEC lain pada 24 Nov, sehari sebelum sidang kemuncak itu di pelabuhan Subic.

Mereka termasuk Presiden AS Bill Clinton, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto, Presiden Korea Selatan Kim Young-sam, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Presiden Suharto, Indonesia, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Perdana Menteri Australia John Howard, Sir Julius Chan dari Papua New Guinea dan Presiden Chile Eduardo Fre Ruiz-Tagle.

Pemimpin-pemimpin lain yang akan ditemui Ramos ialah Presiden Mexico Ernesto Zedillo dan Presiden China Jiang Zemin. Pemimpin China itu akan terus berada di Manila selepas sidang kemuncak APEC untuk lawatan negara.

-- BERNAMA

ALJ OS/sia